



MOTAC.100-2/1/18(11)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

KENYATAAN MEDIA

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KE-2 TANDA PRIHATIN KERAJAAN TERHADAP PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

1. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri kerana telah memperuntukkan sejumlah RM250 bilion dalam Pakej Rangsangan Ekonomi ke-2 atau Pakej Rangsangan Prihatin Rakyat bagi membantu rakyat menghadapi keadaan sukar pada waktu ini.
2. Tiada golongan yang memerlukan dipinggirkan dalam pengumuman oleh YAB Perdana Menteri sebentar tadi. Ini jelas mencerminkan kesungguhan pemimpin hari ini untuk membantu dan bersama-sama rakyat mengharungi waktu-waktu sukar ketika ini. Saya percaya inisiatif-inisiatif ini akan memberi manfaat kepada semua pihak termasuk penggiat industri pelancongan dan kebudayaan seperti pengusaha premis penginapan pelancong, pengusaha syarikat pelancongan, pengusaha homestay, pemandu pelancong, usahawan kreatif dan sebagainya.
3. Saya yakin inisiatif ini dapat meringankan beban mereka yang terkesan serta memberi motivasi untuk merancang dan menyusun semula strategi memulihkan kembali ekonomi khususnya industri pelancongan dan kebudayaan.
4. Akhir sekali, saya menyeru anda semua rakyat Malaysia untuk bekerjasama dan mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan agar usaha kita dalam memutuskan rantaian penularan COVID-19 dengan kadar segera akan dianugerahkan kejayaan olehNya.

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

27 Mac 2020